

15 SEP 2003

MOGGIE-GABUNG/I

MOGGIE: GABUNGAN JARING & TMNET TIDAK WUJUDKAN MONOPOLI

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Penggabungan antara dua syarikat pembekal perkhidmatan Internet (ISP), JARING and TMnet, tidak akan mewujudkan perniagaan Internet monopoli di Malaysia kerana terdapat pengusaha-pengusaha Internet berlesen yang lain di negara ini, kata Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie, hari ini.

"Hakikat bahawa mereka (pengusaha Internet berlesen lain) belum melakukannya (memberi perkhidmatan secara cergas) mungkin disebabkan mereka ada pertimbangan komersial sendiri," katanya kepada pemberita pada pelancaran Perkhidmatan Caj Semula Prabayar Celcom Melalui Pejabat-Pejabat Pos, di sini.

Moggie berkata demikian bagi menjawab pertanyaan mengenai Bajet 2004 baru-baru ini di mana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan, telah mengumumkan penggabungan kedua-dua ISP itu bagi menjamin perkhidmatan Internet yang lebih cekap di negara ini.

TMnet ditubuhkan bagi meneraju semua perkhidmatan berkaitan Internet dalam Telekom Malaysia Bhd berikutan pelantikan syarikat itu sebagai ISP di Malaysia.

JARING, singkatan bagi projek Joint Advanced Research Integrated Networking (Perangkaian Bersepadu Penyelidikan Maju Bersama) adalah akses Internet pertama dan utama Malaysia serta dimaju dan diuruskan oleh MIMOS Bhd.

"Dengan menggabungkan kedua-dua entiti ini, ia akan mewujudkan peserta dominan dan sebuah entiti tunggal yang mempunyai akses yang jauh lebih baik bagi mengadakan rangkaian di seluruh negara," kata Moggie.

"Tetapi paling penting, bagaimana harga boleh memberi manfaat kepada pengguna. Penggabungan ini pastinya akan menghasilkan keupayaan untuk menawarkan kadar yang lebih rendah kepada pengguna," tegasnya.

Ditanya berapa rendahkah kadar tersebut, Moggie berkata, "Bajet 2004 telahpun menyebut julat harga. Kita akan pastikan Telekom Malaysia melaksanakan struktur harga itu."

Dalam Bajet 2004, Dr Mahathir berkata, bagi menjamin akses yang lebih luas bagi internet pada kos yang lebih rendah, Telekom Malaysia akan mengurangkan bayaran akses Internet serta akses Internet jalur lebar.

Telekom Malaysia akan memberikan diskaun sebanyak 50 peratus bagi pakej industri dan korporat, bermula dengan 30 peratus bagi Fasa I dan 20 peratus lagi bagi Fasa II.

Bagi pengguna-pengguna lain, penurunan kadar sebanyak 30 peratus akan diberikan bagi bayaran Internet jalur lebar pengguna.

Mengenai tarikh akhir bagi menurunkan kadar itu, Moggie berkata, kerajaan mahu ia dilaksanakan secepat mungkin.

Katanya, kerajaan juga mengharapkan agar TMNet dapat menambah pelaburan dalam sokongan prasaran bagi menyediakan liputan perkhidmatan yang lebih baik.

Moggie berkata, ISP yang diperbesarkan itu bukan sahaja perlu menurunkan kadar, malah juga memberikan perkhidmatan berkualiti.

Apabila diminta mengulas tentang keupayaan TMNet untuk menyediakan perkhidmatan berkualiti ketika berlakunya gangguan perkhidmatan yang kerap bagi perkhidmatan jalur lebar Streamyx pada Mac tahun ini, Moggie berkata, "Pada masa itu, prasarana mereka masih belum dapat mengendalikan permintaan begitu."

"Barangkali mereka tidak menjangkakan permintaan tinggi begitu.

Sekarang permintaan besar...kita harap mereka dapat menambah perbelanjaan modal bagi prasarana."

TMnet Streamyx adalah perkhidmatan akses kelajuan tinggi yang menyediakan sambungan "sentiasa terpasang" ke Internet dengan kelajuan/jalur lebar dari 384k hingga 2Mb/s.

Moggie juga berkata, kementeriannya masih belum menerima laporan terperinci dari Tenaga Nasional Bhd mengenai gangguan bekalan tenaga yang melanda kawasan utara Semenanjung Malaysia pada 1 Sept. -- BERNAMA

MAS SHY KY AA